

UPM, NCHU

bekerjasama hasil
baja organik

Oleh Rosniza Mohd Taha

yoniza@bh.com.my

Putrajaya

Syarikat pengeluar serta pengedar baja dari Taiwan, All Cosmos Industries Sdn Bhd (All Cosmos), menganugerahkan kontrak penyelidikan bernilai RM5 juta kepada Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Taiwan National Chung

Hsing University (NCHU) bagi membangunkan baja organik.

Ketua Pegawai Eksekutif All Cosmos, Datuk Tony Peng Shih Hao, berkata penyelidikan kedua-dua universiti itu akan bekerjasama melakukan kajian penghasilan baja berasaskan tandan buah kosong kelapa sawit menggunakan teknologi bakteriofaj.

Beliau berkata, teknologi itu dapat mengurangkan penggunaan bahan kimia dalam melindungi tum-

buhan daripada serangan penyakit kerana ia memanfaatkan virus untuk menjangkiti dan membunuh bakteria perosak.

Tempoh lebih singkat

“Penyelidik UPM dan NCHU akan menikmati kemudahan industri diperlukan untuk penyelidikan, pembangunan dan latihan berkaitan teknologi bakteriofaj, termasuk program latihan untuk kakitangan dan penyelidik, selain pertuka-

ran maklumat serta penerbitan bersama-sama.

“Sokongan dan kepakaran universiti dalam projek ini akan membantu kami menghasilkan baja organik menggunakan teknologi baharu dalam tempoh lebih singkat,” katanya ketika berucap dalam Majlis Penganugerahan Kontrak Penyelidikan antara All Cosmos dan UPM serta NCHU di sini, baru-baru ini.

Hadir sama Menteri Pendidikan Taiwan, Dr Chiang Wei Ling, dan Naib Canselor

UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan.

Sedia rangka kerja

Sementara itu, Prof Mohd Fauzi berkata, All Cosmos membuat pilihan yang baik apabila melabur dalam pengetahuan untuk melonjakkan prestasi perniagaan.

Katanya, kerjasama itu sejajar polisi universiti yang menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan menggunakan mikroba sebagai baja.

Beliau berkata, kerjasama

itu akan turut diperkukuh dengan menyediakan rangka kerja bagi membangunkan kepakaran dalam teknologi bakteriofaj ke arah menggalakkan pertanian mapan dan penggunaan optimum sumber hutan.

“Projek ini bermakna bagi UPM kerana dapat membantu pencapaian universiti melonjak dalam penarafan universiti Asia, di samping penting untuk negara yang kaya dengan kepelbagaian sumber biodiversiti,” katanya.

ALL COSMOS INDUSTRIES SDN BHD

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

TAIWAN NATIONAL CHUNG HING UNIVERSITY



Prof Mohd Fauzi (kanan) menerima anugerah kontrak penyelidikan yang disampaikan Shih Hao (kiri) sambil disaksikan Wei Ling (dua dari kiri). [FOTO NASHAIRI MOHD NAWI / BH]

“

TEKNOLOGI ITU DAPAT MENGURANGKAN PENGGUNAAN BAHAN KIMIA DALAM MELINDUNGI TUMBUHAN DARIPADA SERANGAN PENYAKIT”

Datuk Tony Peng Shih Hao

Ketua Pegawai Eksekutif All Cosmos